

Produk Takaful tepati kehendak syariah

ALHAMDULILLAH umat Islam telah selesai menunaikan ibadat puasa sebulan di bulan Ramadan dan baru sahaja selesai menyambut [Aidilfitri](#). Suasana [raya](#) masih lagi dirasai malah majlis rumah terbuka masih banyak diadakan.

Mudah-mudahan ibadat puasa itu dapat melahirkan insan-insan yang bertakwa kepada Allah SWT.

Walaupun Islam tidak melarang kita gembira meraikan hari raya namun biarlah ia dalam batasan yang dibenarkan oleh Allah.

Sikap berhati-hati perlu sentiasa diberikan keutamaan terutamanya apabila musim perayaan besar seperti ini tragedi kemalangan dan kecelakaan menjadi suatu yang amat mengerikan.

Jalan raya seolah-olah menjadi satu medan korban. Sehingga hari ini angka kematian yang terbunuh dalam kecelakaan jalan raya masih menunjukkan angka yang menakutkan.

Di samping itu aspek-aspek kesihatan juga perlu diberi keutamaan. Berlalunya Ramadan bukannya 'lesen' membalas dendam dengan tanpa kawalan menjamu selera tanpa.

Walaupun ghairah dengan sambutan hari raya, berkunjung ke sana dan ke sini tahap kebersihan diri dan persekitaran perlu dipastikan berada pada tahap yang maksimum lebih-lebih lagi ketika wabak selesema babi atau H1N1 masih lagi menular.

Dalam kemeriahan merayakan Aidilfitri janganlah pula lalai tentang hakikat kehidupan seharian yang sentiasa terdedah kepada sebarang bentuk kemungkinan terutamanya yang berbentuk musibah dan malapetaka.

Musibah boleh menimpa kita tanpa mengira darjat, pangkat, umur, bangsa dan warna kulit. Malah yang lebih malang, kaum keluarga kita sendiri seperti anak dan isteri kita akan turut sama menanggung penderitaan.

Oleh kerana itu timbulnya satu keperluan memiliki perlindungan takaful sebagai satu langkah bijak menguruskan kehidupan agar tercapai bahagia di dunia dan di akhirat.

Sistem takaful ialah satu sistem yang berteraskan kepada prinsip-prinsip syariah yang menjamin prinsip 'ketelusan dan keadilan'. Ia bagi memastikan semua pihak yang berurusan tidak merasa tertindas sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nahl, ayat 90 yang bermaksud: *Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat, dan Allah melarang dari perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran.*

Prinsip utama dalam takaful adalah semua pihak yang menyertai kontrak ini dapat merasa manfaat dan tidak terasa sebarang keraguan atau rasa tertipu, seperti membayar sesuatu dengan harga yang mahal tetapi tidak mendapat barang yang dikehendaki, atau pun barang itu hanya dijanjikan jika berlaku sesuatu musibah ke atas diri atau hartanya.

Sehubungan itu, kontrak takaful adalah berasaskan kepada *tabarru'* (derma) dan *taawun* (tolong menolong), di mana semua peserta yang memilih atau menyertai pelan takaful bersetuju untuk saling tolong menolong, jamin menjamin antara mereka ketika ditimpa musibah atau kemalangan.

Maksudnya, semua peserta menyumbang dengan ikhlas untuk saling membantu antara mereka jika ditimpa musibah. Dengan konsep *tabarru'* dan *taawun* ini, maka akan terhapuslah sikap keakuan, iaitu saya beli polisi ini untuk diri saya dan bukan untuk orang lain.

Kedua-dua konsep ini menyemarakkan rasa kasih sayang sesama saudara ketika mereka mengalami kesusahan atau penderitaan.

Industri takaful juga boleh dikira telah lengkap dari sudut rantaiannya. Ia merangkumi produk berkaitan pendidikan, perubatan, kesihatan, simpanan, berkaitan pelaburan, perlindungan kredit, perlindungan harta benda dan sebagainya.

Bermula dengan penawaran produk asas yang terhad kini industri takaful sudah boleh berbangga bahawa rantaiannya yang sudah mampu memenuhi keperluan ummah. Kiranya tiada lagi alasan untuk tidak menjadikan produk-produk takaful sebagai pilihan.

Di antara produk yang mendapat sambutan [hangat](#) masyarakat kini adalah perlindungan berkaitan kesihatan.

Hari ini umat Islam masih dalam *mood* raya. Hidangan makanan bermacam jenis dan rupa disajikan, kadang-kadang kerana terlalu gembira telah mengabaikan aspek-aspek kesihatan. Sepatutnya selepas Ramadan fizikal makin sihat tetapi berlaku sebaliknya.

Ramai yang menabung untuk simpanan hari tua, untuk pendidikan masa depan anak-anak. Namun, tidak ramai yang betul-betul membuat persiapan dan persediaan menabung untuk kesihatan.

Malah yang lebih malangnya memandang remeh terhadap aspek tersebut. Alasannya, di negara kita ini pihak kerajaan telah menyediakan perkhidmatan kesihatan kenapa perlu bersusah payah lagi untuk menyediakan dana untuk tujuan tersebut.

Dewasa ini kita sering dikejutkan dengan pelbagai penyakit kritikal yang memerlukan dana yang besar untuk kos rawatannya. Penyakit darah tinggi dan kencing manis antara yang boleh memberi kesan sampingan yang kronik termasuklah serangan sakit jantung. Penyakit jantung adalah pembunuh terbesar di Malaysia.

Di samping itu, penyakit-penyakit seperti kanser, penyakit buah pinggang, strok dan sebagainya, juga antara penyakit yang dikenal pasti menjadi pembunuh rakyat Malaysia masa kini.

Penyakit-penyakit ini memerlukan kos rawatan yang tinggi. Tanpa tabungan yang cukup bagaimana boleh menampung kos perubatan yang begitu tinggi.

Kos perkhidmatan perubatan juga turut meningkat dari masa ke semasa sehingga menjadi suatu beban yang akhirnya terpaksa 'merempat' menagih simpati bantuan orang ramai.

Dalam keadaan begini sudah pasti akan menambahkan lagi bebanan menanggung penyakit yang dihadapi dan juga menanggung beban kewangan.

Dalam konteks ini, Islam sebagai agama yang lengkap dan syumul amat mementingkan penjagaan kesihatan fizikal sebagaimana ia mementingkan penjagaan kesihatan jiwa dan akal.

Malah kaedah penjagaan kesihatan dalam Islam lebih syumul bilamana Islam menetapkan bahawa kesihatan itu bukan hanya kesihatan fizikal semata-mata malah ia mencakupi kesihatan jiwa dan akal.

Anugerah

Kesihatan adalah anugerah yang sangat bernilai dan perlu dihargai. Sabda Nabi SAW yang bermaksud: *Orang mukmin yang kuat lebih baik dan disukai oleh Allah daripada orang mukmin yang lemah* (riwayat muslim)

Islam mendidik kita menjaga kesihatan dengan cara mengambil langkah-langkah pencegahan sebelum ditimpa sebarang penyakit. Mencegah itu lebih baik daripada berubat.

Apabila sudah ditimpa penyakit maka Islam mengajar kita agar tidak berputus asa dan hendaklah berusaha mencari penawar. Ini sebagaimana sabda Rasulullah yang bermaksud: *Allah tidak menurunkan suatu penyakit itu kecuali diturunkan bersamanya ubat.* (riwayat Bukhari).

Dan sebaik-baik penawar ialah al-Quran sebagaimana firman Allah yang bermaksud: *Dan kami turunkan al-Quran sebagai penyembuh dan rahmat kepada orang-orang yang beriman.* (al-Isra': 82)

Di antara kaedah lain yang ditekankan oleh Islam dalam penjagaan kesihatan ialah menitikberatkan kebersihan.

Dari aspek perubatan, kebersihan memainkan peranan yang cukup penting dalam mengelakkan seseorang ditimpa penyakit yang meliputi kebersihan diri dan kawasan persekitaran.

Makanan seimbang adalah antara kaedah yang juga diberi penekanan oleh Islam dalam penjagaan kesihatan. Setiap hari kita menikmati pelbagai juadah untuk keperluan jasmani kita dan membekalkan tenaga yang secukupnya dalam melakukan aktiviti seharian.

Pendek kata Islam amat prihatin dalam soal penjagaan kesihatan malah memerintahkan penganutnya sentiasa mengambil berat terhadap penjagaan kesihatan. Ini kerana seperti yang disebut dalam pepatah arab, "akal yang sihat pada tubuh badan yang sihat".

Justeru, menjadi satu tuntutan memastikan segala langkah diambil demi menjaga kesihatan termasuklah menyediakan dana atau sumber kewangan yang cukup.

Tidak dinafikan pencegahan adalah cara terbaik untuk menjaga kesihatan. Namun persiapan menyediakan bekalan kewangan yang mencukupi untuk tabungan kesihatan adalah suatu perkara yang sangat perlu.

Apabila mempunyai kewangan yang mencukupi maka semua perkara akan menjadi mudah dan barangkali tidak banyak kesulitan yang akan dihadapi walaupun sedang ditimpa penyakit. Pepatah melayu menyebut 'sediakan payung sebelum hujan amat' tepat untuk direnungi dan sangat relevan dengan persiapan mewujudkan tabungan untuk kesihatan.

Persoalannya, adakah melalui kaedah tabungan biasa seperti yang disediakan oleh institusi kewangan mampu memenuhi keperluan tabungan kesihatan.

Alhamdulillah dengan kemunculan takaful seolah-olah memberi nafas baru yang dapat memberikan peluang untuk mendapatkan perlindungan yang lebih komprehensif, adil dan telus.

Hasrat mendapatkan perlindungan kesihatan dapat diperolehi menerusi pelbagai produk yang ditawarkan oleh pengendali takaful di negara kita.

Pelbagai produk yang inovatif telah ditawarkan oleh para pengendali ini bagi memenuhi keperluan perlindungan kesihatan oleh masyarakat.

Perlindungan menerusi produk-produk takaful adalah lebih unik kerana ia dirangka berdasarkan kepada tatacara dan modus operandi produk takaful yang mengambil kira kepentingan dan keperluan semua pihak yang terlibat.

Di antara elemen yang ada pada satu-satu produk takaful ialah aspek memberikan bantuan perlindungan (*protection*) jika ditakdirkan seseorang peserta ditimpa sesuatu musibah.

Takaful Ikhlas sebagai sebuah pengendali takaful yang berlandaskan prinsip-prinsip syariah telah mengambil langkah yang proaktif dengan menawarkan produk-produk berkaitan perlindungan kesihatan yang inovatif dan dapat memenuhi keperluan semua lapisan masyarakat.

Produk untuk kategori kesihatan ini ditawarkan bukan sahaja kepada individu malah turut ditawarkan kepada badan-badan korporat.

Takaful Ikhlas sangat komited dalam menyediakan perkhidmatan ini selaras dengan iltizamnya untuk memastikan semua urusan perniagaannya berasaskan kepada kesaksamaan dan keadilan.

Oleh WAN JEMIZAN WAN DERAMAN